

13/02/2003

Putar belit kenyataan jadi modal utama pembangkang

Dol Bendoi

KEPINTARAN pembangkang memutarbelitkan kenyataan terserlah sejak sekian lama dan rakyat seharusnya memahami serta sedar dan tidak terpengaruh dengannya.

Kalau difikir-fikirkan, gelagat pembangkang sebegitu adalah wajar kerana itulah kerja dan kepintaran mereka atau itulah saja cara untuk menyebabkan parti pemerintah dibenci, sekali gus mendapat sokongan rakyat kepada agenda politik mereka.

Pendek kata, dalam memenuhi sasaran politik itu, khususnya dalam menumbangkan kerajaan yang ada, matlamat menghalalkan cara adalah dibenarkan.

Seolah-olah dalam politik, mereka memiliki kekebalan tertentu. Ini kerana mereka tertakluk kepada satu set moral dan akhlak serta undang-undang tersendiri yang berbeza sama sekali daripada set moral dan akhlak serta undang-undang yang cuba diikuti dengan akur oleh bukan pembangkang.

Oleh itu, mereka boleh melakukan apa saja. Apabila gelagat disanggah, mereka bangun dengan lebih garang untuk menterbalikkan sanggahan itu hingga menyebabkan pihak yang menyanggah itu pula yang kelihatan bersalah.

Paling akhir, apabila tindakan undang-undang hendak dikenakan ke atas mereka.

Pembangkang melabelnya sebagai sesuatu berbaaur politik dengan menuduh kerajaan sebagai mengamalkan selective prosecution bagi menidakkan kebangkitan mereka.

Inilah yang mungkin turut digambarkan Perdana Menteri, minggu ini, apabila ditanya mengenai laporan berita mengaitkan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam perjumpaan di Makasar yang turut disertai puak radikal Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menempelak penuh sinis kerana Abdul Hadi

dari parti pembangkang, maka beliau tidak boleh dikenakan tindakan!

Kenyataan Dr Mahathir baru-baru ini, bahawa beliau tidak akan mengadakan pilihan raya umum ke-11 sebelum meletakkan jawatan pada Oktober depan, turut menerima layanan `istimewa' putar belit pembangkang.

Putar belitnya ialah, keengganan Perdana Menteri mengadakan pilihan raya

sebelum persaraannya kerana konon beliau fobia (gentar/takut) kalau-kalau

Barisan Nasional (BN) kehilangan satu lagi negeri selain Kelantan dan Terengganu yakni Kedah, ketika beliau masih memimpin BN.

Oleh itu, kononnya Perdana Menteri mahu membiarkan bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menanggung beban kehilangan dan tanggungan malu serta dipersalahkan.

Di Pahang, putar belit pembangkang tidak juga terlepas khususnya yang dihadapi Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Terbaru, berikutan pendedahan gerakan untuk memerintah negeri itu selepas pilihan raya umum akan datang menerusi Operasi Pas Perintah Pahang

(Ops 3P) yang dokumen mengenainya didedahkan oleh Adnan, baru-baru ini.

Soal Pas hendak memerintah Pahang mungkin perkara biasa, namun yang buruknya ialah tergamak parti itu menjadikan parti lain dalam pakatan pembangkang sekadar tumpangan, menonjolkan sifat tamak parti itu yang cuba

menikam rakan mereka dari belakang.

Ini seperti sebaris ayat dalam dokumen itu yang menyebut: "Sekira BA (Barisan Alternatif) masih panjang umurnya berkekalan hingga pilihan raya

ke-11 nanti, parti alternatif hanya tempelan BA, penentu segala-galanya ialah Pas."

Reaksi Pas terhadap kenyataan Adnan sudah dijangka. Begitulah juga yang dijangka dengan Pas menggunakan kepintarannya untuk memutar belit serta menyanggahnya.

Adnan didakwa mengada-adakan dokumen itu. Putar belit mereka ialah kononnya mereka kenal Adnan, sedangkan tidak. Mereka cuma "rasa-rasa" kenal beliau.

Kalau mereka benar-benar kenal Adnan, tentu akan mengetahui betapa Adnan ialah seorang yang lurus (a straight-forward person). Yang mana hitam, dikatakannya hitam, yang putih dikatakannya putih tanpa berselindung.

Adnan segera pula diserang dengan dakwaan hendak mengalih tumpuan selepas kononnya tersilap dengan pengumuman sebelum itu, mengenai kesediaan beliau dan Exco kerajaannya untuk tidak dicalonkan semula pada pilihan raya umum akan datang jika itulah yang diinginkan pucuk kepimpinan parti.

Paling asas, Adnan tidak perlu melakukan usaha untuk mengalih tumpuan itu. Beliau mengumumkan mengenai kesediaannya itu yang kemudian disambut dengan pelbagai reaksi daripada pemimpin.

Reaksi ini pun memang dijangka. Adnan sudah menyatakan sebab beliau membuat pengumuman itu pada temu bual eksklusif dengan Berita Harian.

Mereka yang membacanya tentu lebih memahami termasuk mesej di sebalik pengumuman kesediaan pengunduran itu.

Dalam hal ini, Adnan tidak tersilap. Beliau hanya menyatakan yang benar dan kebenaran itu terbukti dengan reaksi positif Dr Mahathir dan Abdullah.

Soal Dr Mahathir kemudian meminta pengumuman mengenai kesediaan mengundur diri tidak dibuat lagi, itu adalah satu hal yang lain dan diterima penuh akur.

Kebetulan Adnan memiliki dokumen Pas yang mendedahkan sikap menikam kawan dari belakang itu ketika isu mengenai kesediaan beliau berundur baru reda. Beliau mendedahkannya yang kemudian mendapat siaran dalam akhbar tempatan.

Pembangkang tetap memutar belit perkara ini seperti pelbagai lagi perkara lain demi kelangsungan politik mereka.

Sebagai orang yang memahami perangai itu, seharusnya kita tidak terpengaruh dengannya atau cuba mengikut rentak-tari mereka.

Biarlah mereka dengan dunia putar belit mereka sama ada terhadap

kepemimpinan negara atau negeri. Akhirnya diharapkan, mereka akan terbelit-belit dengan putar belit sendiri.

DOL BENDOI,

Kuantan, Pahang.